
**TEKS UCAPAN OLEH Y. BHG. DATIN MADINAH MOHAMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MALAYSIA
MAJLIS PELANCARAN DAN PERTUKARAN DOKUMEN
PERSEFAHAMAN (MOU) BAGI PROJEK W-X**

TERIMA KASIH Pengerusi Majlis.

**Y.BHG. PROFESOR Madya Datin Dr. Norizan Abdul
Razak
Ketua Pusat Kajian E-Komuniti
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Mewakili Naib Canselor Universiti Kebangsaan
Malaysia.**

**Yang Berusaha Puan Shariya Haniz Zulkifli Pengarah
.my Domain Registry.**

**Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan
yang saya hormati sekalian.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera.**

1. TERLEBIH DAHULU, SYUKUR KE HADRAT ILAHI KERANA DENGAN LIMPAN KURNIA DAN IZIN NYA KITA DAPAT SAMA-SAMA HADIR BAGI MENJAYAKAN MAJLIS PELANCARAN DAN PERTUKARAN DOKUMEN PERSEFAHAMAN (MOU) BAGI PROJEK W-X INI. SAYA JUGA INGIN MERAKAMKAN PENGHARGAAN KEPADA JAWATANKUASA PENGANJUR KERANA MENGUNDANG SAYA KE MAJLIS YANG AMAT BERMAKNA INI.

HADIRIN SEKALIAN,

2. Y.A.B PERDANA MENTERI, DATO' SRI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, MENYATAKAN BAHAWA EKONOMI MALAYSIA KINI SEDANG DALAM PROSES TRANSFORMASI KE ARAH MENJADI MODEL EKONOMI BERTERASKAN INOVASI DAN ILMU PENGETAHUAN UNTUK MENGUKUHKAN LAGI KEUPAYAAN NEGARA. OLEH YANG DEMIKIAN, KERAJAAN AKAN MEMBERI TUMPUAN DALAM MEMPERKASAKAN KAPASITI MODAL INSAN NEGARA TERUTAMANYA BAGI MENINGKATKAN PENGUASAAN ILMU PENGETAHUAN DAN PELBAGAI BENTUK KEMAHIRAN SEPERTI KEMAHIRAN DALAM BIDANG ICT DAN KEUSAHAWANAN. SELARAS DENGAN KONSEP 1MALAYSIA, KERAJAAN JUGA AKAN SENTIASA MEMASTIKAN BAHAWA USAHA PENJANAAN MODAL INSAN BERKUALITI INI ADALAH MERANGKUMI SETIAP LAPISAN MASYARAKAT TANPA MEMINGGIRKAN MANA-MANA PIHAK.

3. WALAUPUN DUNIA KINI SEDANG HEBAT BERHADAPAN

DENGAN KRISIS EKONOMI GLOBAL, USAHA KERAJAAN MELALUI PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI JELAS MEMBUKTIKAN BAHAWA KERAJAAN SERIUS DALAM MEMBANTU RAKYAT DALAM MENGHADAPI APA JUA SITUASI. PERUNTUKAN SEBANYAK RM 7 BILION BAGI PAKEJ RANGSANGAN PERTAMA DAN RM 60 BILION BAGI PAKEJ RANGSANGAN KEDUA ADALAH BERTUJUAN UNTUK MEMANGKINKAN AKTIVITI EKONOMI DALAM NEGERI SERTA MERANGSANG AKTIVITI SEKTOR SWASTA DAN SETERUSNYA MENJAMIN KESEJAHTERAAN RAKYAT.

4. SEHUBUNGAN DENGAN ITULAH, INISIATIF PELAKSANAAN PROJEK W-X DI BAWAH PROGRAM PAKEJ RANSANGAN EKONOMI KEDUA INI DILIHAT SEBAGAI SATU LANGKAH YANG BIJAK DAN TEPAT PADA MASANYA. INI KERANA IANYA SECARA SPESIFIK MEMBERI TUMPUAN BAGI MEMBANTU SERTA MEMPERKASAKAN GOLONGAN WANITA TERUTAMANYA YANG TERLIBAT DALAM PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA DENGAN MENJALANKAN PERNIAGAAN MELALUI APLIKASI TEKNOLOGI ICT YANG SEMEMANGNYA KINI TERBUKTI MAMPU MENDATANGKAN KEUNTUNGAN YANG LEBIH LUMAYAN.

HADIRIN SEKALIAN,

5. STATISTIK SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MENUNJUKKAN BAHAWA SEHINGGA HUJUNG TAHUN 2008, BILANGAN PENGGUNA INTERNET DI MALAYSIA TELAH MENCECAH SERAMAI 15.87 JUTA.

WALAUBAGAIMANAPUN, KAJIAN AWAL MENUNJUKKAN BAHAWA DARIPADA JUMLAH INI, PERATUSAN GOLONGAN WANITA YANG TERLIBAT DALAM PENGGUNAAN INTERNET ADALAH RENDAH IAITU SEBANYAK 25 PERATUS SAHAJA. JUMLAH PENGGUNAAN INI JUGA ADALAH KIRA-KIRA SEPARUH DARIPADA JUMLAH PENGGUNAAN INTERNET OLEH GOLONGAN LELAKI.

6. PERKARA INI ADALAH SESUATU YANG TIDAK MEMERANJATKAN KERANA STATISTIK PENGGUNAAN INTERNET MENGIKUT JANTINA DI NEGARA-NEGARA MAJU JUGA MENUNJUKKAN TREND YANG SAMA. SEBAGAI CONTOH, KAJIAN PERTUBUHAN BURUH ANTARABANGSA PADA TAHUN 2005 MENUNJUKKAN BAHAWA DI JEPUN, HANYA 18 PERATUS PENGGUNA INTERNET ADALAH WANITA, DI RUSIA HANYA 19 PERATUS, DAN DI KESATUAN EROPAH HANYA 25 PERATUS. DALAM KONTEKS INI, HANYA AMERIKA SYARIKAT SAHAJA YANG BOLEH BERBANGGA DENGAN PERBEZAAN JURANG DIGITAL ANTARA JANTINA YANG AGAK KECIL.

HADIRIN SEKALIAN,

7. FENOMENA YANG SAMA JUGA BERLAKU DALAM INDUSTRI PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA. MENURUT CENSUS OF ESTABLISHMENTS AND ENTERPRISES 2005: PROFILE OF SMALL AND MEDIUM ENTERPRISES, PERUSAHAAN MILIK WANITA HANYALAH 16 PERATUS DARIPADA SEJUMLAH 548, 267 IKS DI MALAYSIA IAITU

SEJUMLAH 87, 723 . DARIPADA JUMLAH INI, 89.5 PERATUS TERLIBAT DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN; DIKUTI 7.5 PERATUS DALAM SEKTOR PEMBUATAN; DAN 3.0 PERATUS LAGI DALAM SEKTOR PERTANIAN.

8. BERDASARKAN REALITI INI, IANYA JELAS MENUNJUKKAN PELAKSAAN PROJEK W-X ADALAH AMAT PENTING BAGI MEMBERI KESEDARAN DAN MEMBANTU GOLONGAN WANITA DALAM MENGUASAI TEKNOLOGI ICT DAN SETERUSNYA MENGAPLIKASIKAN TEKNOLOGI INI UNTUK MEMPERKASAKAN EKONOMI MEREKA DALAM INDUSTRI PERUSAHAAN PKS.

HADIRIN SEKALIAN,

9. PROJEK INI JUGA BERMATLAMAT UNTUK MENGURANGKAN JURANG DIGITAL DI ANTARA GENDER, KHUSUSNYA DALAM PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA YANG DIMILIKI DAN DIKETUAI OLEH GOLONGAN WANITA. SELAIN DARIPADA ITU, PROJEK W-X INI AKAN DAPAT MEMBANGUNKAN LANDASAN E-NIAGA YANG BERDAYA MAJU, BAGI MEMBANTU USAHAWAN WANITA UNTUK MENINGKATKAN KEUPAYAAN MEREKA AGAR DAPAT MENYERTAI DAN MENGUASAI SISTEM E-PASARAN DENGAN LEBIH BERKESAN. IANYA JUGA AKAN DAPAT MERANGSANG MINAT DAN KREATIVITI SERTA DAPAT MEMBUKA MINDA MEREKA UNTUK TERUS MENCIPTA KEJAYAAN.

10. PROGRAM PEMBOLEHAN E-NIAGA INI TURUT AKAN DAPAT MEMBANTU GOLONGAN WANITA DALAM MEMASARKAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN MEREKA KEPADA PASARAN YANG LEBIH LUAS DAN DAPAT MENARIK LEBIH RAMAI PELANGGAN. IANYA JUGA MERUPAKAN SATU MEDIUM UNTUK PARA USAHAWAN WANITA MELUASKAN JALINAN *NETWORKING* DAN SALING BEKERJASAMA DEMI KEPENTINGAN DAN MANFAAT BERSAMA.

HADIRIN SEKALIAN,

11. DALAM USAHA MEMPERKASAKAN GOLONGAN WANITA MENERUSI PEMBANGUNAN KEUPAYAAN TEKNOLOGI, MODEL DOMAIN HOSTING ATAU PENEMPATAN DOMAIN DAN E-NIAGA YANG SELAMAT DAN MENYENANGKAN AKAN DIGUNA PAKAI DALAM PROGRAM INI. SELAIN ITU BAGI MEMASTIKAN INISIATIF INI DAPAT BERJALAN LANCAR, KURSUS DAN LATIHAN UNTUK MEMBINA KEUPAYAAN ICT, PEMBANGUNAN KANDUNGAN YANG KOMPREHENSIF SERTA USAHA YANG BERTERUSAN DALAM MENINGKATKAN KESEDARAN GOLONGAN WANITA AKAN DILAKSANAKAN. SAYA JUGA MENYERU AGAR PEMANTUAN YANG KONSISTEN DARIPADA .MY DOMAIN REGISTRY DILAKSANAKAN BAGI MEMASTIKAN PROGRAM INI SENTIASA BERADA PADA LANDASAN YANG TELAH DITETAPKAN.

12. DENGAN KEUPAYAAN DAN SOKONGAN YANG DIBERIKAN OLEH .MY DOMAIN REGISTRY BERSAMA PUSAT KAJIAN E-

KOMUNITI, UKM (EKOM), MULTIMEDIA DEVELOPMENT CORPORATION (MDEC), SMIDEC, SIRIM, JABATAN PEMBANGUNAN WANITA, MAJLIS KEBANGSAAN PERTUBUHAN WANITA DAN RADICALBOX SDN. BHD., SAYA PERCAYA GOLONGAN WANITA AKAN DAPAT MEMANFAATKAN SEMUA KEMAJUAN TEKNOLOGI ICT DALAM MENINGKATKAN POTENSI PERNIAGAAN MEREKA UNTUK PERSAINGAN DI PASARAN TEMPATAN DAN SETERUNYA MENEMBUSI PASARAN EKONOMI GLOBAL .

13. KOLABORASI BIJAK ANTARA PELBAGAI PIHAK UNTUK MEMPERKASAKAN PKS MILIK USAHAWAN WANITA INI AKAN DAPAT DIJADIKAN SEBAGAI SATU CONTOH YANG BAIK DALAM USAHA MENGGALAKKAN KOLABORASI PELBAGAI SEKTOR DI MALAYSIA BAGI MENINGKATKAN LAGI EKONOMI NEGARA.

HADIRIN SEKALIAN,

14. MOSTI SANGAT BERHARAP AGAR PROJEK W-X INI AKAN DAPAT MENCAPAI MISINYA DALAM MERAPATKAN JURANG JANTINA DALAM PERALIHAN NEGARA KE ARAH EKONOMI BERASASKAN PENGETAHUAN. PADA MASA YANG SAMA, MOSTI JUGA BERHARAP DAN MENGGALAKKAN AGAR ORGANISASI-ORGANISASI WANITA YANG MENYERTAI PROGRAM CAPAIAN ICT INI SUPAYA DAPAT MENYEBARKAN MAKLUMAT TENTANG PROGRAM INI SUPAYA LEBIH BANYAK PIHAK YANG AKAN MENDAPAT MANFAAT DARINYA.

15. AKHIR KATA, SYABAS KEPADA .MY DOMAIN REGISTRY ATAS INISIATIF YANG TELAH DIAMBIL DAN SESUNGGUHNYA SAYA YAKIN BAHAWA .MY DOMAIN REGISTRY MEMPUNYAI PENGALAMAN DAN KEPAKARAN UNTUK MENYEMPURNAKAN USAHA MURNI INI DENGAN KERJASAMA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT.

16. SEBELUM SAYA MENGUNDUR DIRI, SAYA SEKALI LAGI MENYERU KEPADA SEMUA PIHAK SAMA ADA DARI PIHAK KERAJAAN,SWASTA MAHUPUN NGO SUPAYA DAPAT TERUS BERGANDING BAHU DALAM USAHA MENINGKATKAN PENGGUNAAN ICT DI KALANGAN USAHAWAN WANITA DAN DALAM MASA YANG SAMA MEMBUDAYAKAN ICT DALAM MASYARAKAT MALAYSIA.

17. TERIMA KASIH SEKALI LAGI DIUCAPKAN KEPADA .MY DOMAIN REGISTRY DAN RAKAN-RAKAN ORGANISASI YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN PROGRAM INI. DENGAN KATA-KATA TERSEBUT SAYA DENGAN INI SECARA RASMINYA MELANCARKAN PROJEK W-X.

**SEKIAN. WABILLAHITAUFIK, WALHIDAYAH,
WASSALAMMUALAIKUM WARRAHMATULLAHI WABARAKATUH.**